

KENYATAAN MEDIA: RASMI WANITA BUKAN LEMBU: HENTIKAN RETORIK SEKSIS. MULAKAN REFORMASI PEMIKIRAN

Seorang pemimpin politik dari PAS baru-baru ini mengeluarkan satu kenyataan yang bukan sahaja mengundang kontroversi, malah mencerminkan tahap pemikiran yang mengecewakan apabila beliau menyamakan peranan kepimpinan wanita dengan tingkah laku haiwan iaitu lembu. Kenyataan ini, walau mungkin dianggap “gurauan” oleh sesetengah pihak, adalah manifestasi pemikiran patriarki yang tidak lagi boleh diterima dalam masyarakat yang bertamadun dan inklusif.

Sepuluh Rakyat Malaysia Adalah Wanita, Jadi Mengapa Masih Diperlekehkan?

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), wanita merangkumi **50.3% daripada keseluruhan populasi negara**. Ini bukan angka kecil. Sepuluh daripada rakyat Malaysia ialah wanita. Mereka yang menjadi tulang belakang keluarga, mendidik generasi masa depan, mengurus ekonomi rumah tangga, malah menjadi tenaga kerja penting dalam sektor kesihatan, pendidikan, perkhidmatan awam, dan politik.

Namun malangnya, dalam abad ke-21 ini, masih ada pemimpin yang melihat wanita sebagai makhluk yang lemah, tunduk kepada naluri, atau lebih buruk lagi disamakan dengan haiwan.

Kepimpinan Bukan Isu Jantina, Tetapi Soal Kualiti

Kepimpinan dalam masyarakat manusia berasaskan akal, etika, kebijaksanaan dan tanggungjawab. Ia bukan ditentukan oleh jantina, tetapi oleh keupayaan seseorang untuk memimpin, memberi inspirasi dan pencipta perubahan.

Menggunakan analogi haiwan untuk menentukan struktur sosial manusia adalah satu bentuk penghinaan terhadap sejarah evolusi peradaban. Lembu bertindak berdasarkan naluri, manusia berdasarkan akal. Perbandingan ini bukan sahaja tidak masuk akal, tetapi menyesatkan dan berbahaya jika dijadikan sandaran dalam pembentukan dasar atau persepsi umum.

Islam Mengangkat Kaum Wanita, Bukan Merendharkannya

Surah An-Nisa ayat 34 sering disalah tafsir oleh pihak yang ingin mengekalkan dominasi lelaki dan mengekang ruang wanita untuk berkembang. Ayat tersebut meletakkan tanggungjawab dalam konteks keluarga, bukan sebagai lesen

untuk menegakkan hak wanita dalam masyarakat.

Tokoh-tokoh wanita seperti Saidatina Khadijah RA, seorang ahli perniagaan tersohor yang menyokong Rasulullah SAW secara kewangan dan moral, serta Saidatina Aisyah RA, seorang ilmuwan dan perawi hadis yang dihormati, adalah bukti nyata bahawa wanita berperanan besar dalam tamadun Islam.

Fakta Tidak Menipu: Wanita Sudah Lama Memimpin

Beberapa statistik penting perlu diberi perhatian:

- **35% daripada pengurusan tertinggi penjawat awam di Malaysia adalah wanita (JPA, 2023).**
- **Hanya 13.5%** daripada Ahli Parlimen Malaysia selepas PRU-15 adalah wanita
- Kajian antarabangsa **menunjukkan penyertaan wanita** dalam politik dan pentadbiran berkait rapat dengan pengurangan rasuah, dasar yang lebih responsif kepada rakyat, dan peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Jadi mengapa masih ada pihak yang tidak selesa melihat wanita memimpin?

Stereotaip Membunuh Potensi Negara

Hujah bahawa lelaki akan menjadi pasif atau “tak berfungsi” jika wanita memegang tampuk kepimpinan adalah stereotaip usang yang menghina kedua-dua jantina. **Lelaki bukan lemah. Wanita bukan ancaman.** Kepimpinan yang matang adalah kepimpinan yang membina sinergi antara semua pihak.

Negara ini tidak boleh bergerak jauh jika hanya separuh populasinya diberi ruang untuk membuat keputusan. Semua kaum lelaki dan wanita perlu bergerak seiring untuk memajukan negara ini bersama.

Wanita Dilindungi Undang-undang, Bukan Dijadikan Sasaran

Malaysia bukan negara tanpa undang-undang. Kenyataan menghina berdasarkan jantina, apatah lagi dalam ruang awam oleh seorang pemimpin politik, boleh dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi atau ucapan kebencian yang bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 8(2) Perlembagaan jelas menyatakan bahawa **tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara atas alasan agama, kaum, keturunan atau tempat lahir atau jantina** dalam apa-apa undang-undang atau

pelaksanaan fungsi awam.

Lebih-lebih lagi, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (**CEDAW**) pada tahun 1995. Di bawah obligasi ini, negara bertanggungjawab memastikan wanita tidak didiskriminasi di mana-mana ruang termasuk dalam politik, pendidikan, pekerjaan dan juga ucapan awam.

Walaupun kita masih menunggu penggubalan akta khusus seperti **Akta Anti Diskriminasi Gender**, namun perkembangan mutakhir melalui pindaan Akta Kerja 1955 dan garis panduan CEDAW oleh SUHAKAM dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) membuktikan arah tuju negara ialah untuk menyelaraskan dasar dengan prinsip kesaksamaan gender.

Respons Tegas Menteri Undang-Undang: Kenyataan Mungkin Melanggar Undang-undang

Pertubuhan Generasi Aspirasi Pemimpin Wanita Malaysia (GAP.MY) menyambut baik kenyataan YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), yang menegaskan bahawa kenyataan berunsur penghinaan terhadap wanita yang dikeluarkan oleh pemimpin PAS tersebut *mungkin telah melanggar undang-undang sedia ada.*

Beliau turut menyatakan bahawa kenyataan seumpama itu perlu dilihat dalam konteks perundangan dan menyarankan agar pemimpin yang terlibat "**either do better or lawyer up**". Ini merupakan peringatan bahawa kedudukan sebagai pemimpin tidak menghalalkan ucapan yang merendahkan martabat wanita, dan bahawa undang-undang tetap terpakai kepada semua tanpa mengira ideologi politik.

[GAP.MY menyokong penuh pendirian tegas ini](#) dan menyeru lebih ramai pemimpin politik untuk berdiri mempertahankan prinsip kesamarataan dan penghormatan terhadap maruah wanita di negara ini.

Tamatkan Retorik, Mulakan Reformasi Pemikiran Pertubuhan Generasi Aspirasi Pemimpin Wanita Malaysia (GAP.MY) menyeru agar semua pihak parti politik, institusi pendidikan, media dan masyarakat menolak naratif patriarki yang menghina ini. Kita tidak boleh berdiam diri apabila wanita terus menjadi bahan jenaka atau analogi tidak bermoral.

Malaysia mempunyai potensi besar untuk menjadi contoh negara yang moden, progresif dan adil. Tetapi untuk itu berlaku, kita perlu bermula dengan satu kesedaran asas: **bahawa wanita bukan lembu wanita adalah manusia, rakyat, pemimpin dan pembina masa depan negara.**